

Klinik Unimas Sebayor janjikan bayaran berpatutan – Peter Minos



PENGHARGAAN ... Dato Peter Minos menyampaikan cenderamata kepada Prof Datuk Dr Khairuddin Ab. Hamid di majlis Pembukaan Klinik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Sebayor semalam.

KOTA SAMARAHAN, Rabu — Menjanjikan yang terbaik dengan bayaran berpatutan, dilihat sebagai kejayaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) apabila mewujudkan Klinik Unimas Sebayor di kawasan itu.

Pengerusi UNIMAS Holdings Sdn Bhd Dato Peter Minos, berkata, ia merupakan alternatif terbaik dalam menghadapi kos

penjagaan kesihatan yang semakin meningkat terutama klinik swasta.

Katanya, pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan antaranya, perkhidmatan rawatan pesakit luar, menyediakan bilik konsultasi, bilik rawatan dan pembedahan kecil.

"Ia diuruskan oleh Pegawai Perubatan dengan bantuan

pegawai perubatan, jururawat dan kakitangan sokongan dari pelbagai bidang perubatan yang sedia membantu pada bila-bila masa," ujarnya.

Beliau berkata demikian di perasmian pembukaan Klinik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Sebayor hari ini.

Tambahnya, kos pembinaan klinik itu dibiayai oleh Sebayor

Holdings Sdn. Bhd. serta menelan belanja kira-kira RM300,000.

Katanya, perkhidmatan yang ditawarkan jauh lebih baik serta murah berbanding klinik swasta yang lain.

"UNIMAS mahu melakukan sesuatu untuk kepentingan semua dan pusat rawatan ini mempunyai kemudahan lengkap manakala bayaran yang dikenakan pula berpatutan," katanya di sini.

Beliau memberitahu, kewujudan klinik tersebut juga dilihat sebagai melengkapkan tanggungjawab sosial masyarakat.

Ujarnya, selain dalam usaha Unimas untuk mencapai status universiti penyelidikan pada tahun 2015 kelak.

"Klinik ini terletak di Rumah kedai Desa Ilmu Samarahan dan dibuka setiap hari dari pukul 9 pagi hingga 9 malam manakala Sabtu bermula pukul 9 pagi hingga 1 petang dan Ahad adalah cuti umum," ujarnya.

Turut hadir, Naib Canselor Unimas, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab. Hamid dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Mohd Fadzil Abd Rahman.